

Headline	Nenek, 3 cucu gembira dapat rumah baharu		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	24 Nov 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Nasional	Page No	18
ArticleSize	347 cm ²	Journalist	Mohamed Farid
PR Value	RM 35,748		



Nenek, 3 cucu gembira dapat rumah baharu

→ TNB biaya kos RM50,000 membaiki semula kediaman usang

Oleh **Mohamed Farid Noh**

farid_noh@bh.com.my

► **Segamat**

“Rumah baharu ini amat selesa, tak sangka saya masih berpeluang tinggal di rumah milik sendiri pada usia sebegini,” kata S Walliamah, 63, yang begitu gembira dapat tinggal di kediaman baharu hasil keprihatinan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Warga tua itu bersama tiga cucunya sebelum ini menyewa rumah lain selepas terpaksa keluar dari kediaman usangnya di Kampung Baru, Jementah, dekat sini.

Projek Mesra Rakyat

Nasib keluarga miskin berkenaan mendapat perhatian TNB yang kemudian menyalurkan bantuan RM50,000 untuk membina semula rumah baharu menerusi Projek Mesra Rakyat (PMR), inisiatif yang dilancarkan syarikat itu bagi membantu rakyat memerlukan.

“Kami amat berterima kasih atas kemurahan hati TNB. Sebelum ini, saya terpaksa sewa rumah lain selama tiga tahun di taman berhampiran kerana rumah saya di tanah sendiri sudah uzur dan tidak sesuai lagi untuk diduduki.

Kehidupan sangat sukar

“Sepanjang menyewa, keadaan memang sukar kerana hanya bergantung kepada pencen mendiang suami,” katanya yang menjaga tiga cucu, pasangan kembar lelaki dan perempuan berusia enam tahun serta seorang lelaki berusia 10 tahun selepas anak serta menantunya meninggal dunia dalam kemalangan pada 2008.

Beliau berkata, kehidupan mereka berempat hanya bergantung kepada pencen RM300 sebulan peninggalan suaminya yang meninggal dunia kira-kira 12 tahun lalu.

Walliamah menerima replika kunci rumah baharunya itu daripada Ahli Parlimen Segamat merangkap Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam pada majlis yang turut dihadiri Ahli Lembaga Pengarah TNB, Datuk A Saktihivel dan Pengurus Besar Kanan (Fleet Management) TNB, Datuk S Viswanathan.

Sementara itu, Saktihivel berkata, TNB membina semula rumah Walliamah yang terlalu usang, pada 30 September lalu sebelum siap sepenuhnya pada 25 Oktober.

Headline	Nenek, 3 cucu gembira dapat rumah baharu		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	24 Nov 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Nasional	Page No	18
ArticleSize	347 cm ²	Journalist	Mohamed Farid
PR Value	RM 35,748		



Headline	Nenek, 3 cucu gembira dapat rumah baharu		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	24 Nov 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Nasional	Page No	18
ArticleSize	347 cm ²	Journalist	Mohamed Farid
PR Value	RM 35,748		



Dr Subramaniam menyerah replika kunci kepada Walliamah sambil diperhatikan oleh Sakthivel (dua dari kiri) di Segamat.